

Nama Jalan Alor kekal

Oleh SITI AIRUNNISA ALAU

SEGAMBUT 29 Okt. – Usaha peniaga dan penduduk Jalan Alor di sini untuk mengembalikan nama asal jalan itu berjaya apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersetuju untuk mengekalkan nama asal jalan berkenaan.

Tindakan itu diambil kerana Jalan Alor, yang ditukar nama ke Jalan Kejora sejak dua minggu lalu, sudah dikenali umum termasuk di kalangan pelancong asing.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan berkata, atas arahan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, Jawatankuasa Penamaan Jalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mengadakan mesyuarat khas semalam memutuskan supaya pertukaran nama jalan berkenaan dibatalkan.

“Memandangkan nama dan lokasi Jalan Alor telah dikenali umum, agak sukar sekiranya ia ditukarkan kepada nama lain kerana ia boleh mengelirukan pelancong tempatan dan luar negara yang mengenali tempat itu dengan nama berkenaan.

“Jawatankuasa prihatin dengan masalah tersebut dan akan mengekalkan nama Jalan Alor seperti sedia ada,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Segambut Bahagia di sini hari ini.

Ab. Hakim berkata, keputusan itu juga dibuat kerana kawasan persekitaran Jalan Alor kini semakin baik dan persepsi bahawa wabak berlaku banyak kegiatan tidak sihat di situ sudah terhapus.

Sejajar dengan popularitinya itu, Datuk Bandar berkata, akan peningkatkan di kawasan tersebut akan diingkatkan bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang dan penggunaan premis, kebersihan dan keselamatan.

“DBKL, bersama-sama penduduk dan peniaga di Jalan Alor agar mematuhi peraturan-peraturan tentang kebersihan, perniagaan, letak kereta dan lain-lain.

“Langkah DBKL sebelum ini (menukar



TINGGAL KENANGAN... Walaupun baru sahaja dipasang, nama pada papan tanda Jalan Kejora sudah menjadi mangsa vandalisme, namun nama jalan itu akan menjadi sejarah selepas DBKL bersetuju nama asalnya Jalan Alor dikekalkan.

nama ke Jalan Kejora) adalah bagi menyelaraskan nama-nama jalan di sekitar Bukit Bintang, namun memandangkan kawasan tersebut telah bertambah baik terutama dari segi penyelenggaraan jalan serta pencahayaan, maka tiada salahnya nama Jalan Alor dikekalkan.

Ab. Hakim memberitahu, DBKL akan menukar semula papan tanda nama Jalan

Kejora kepada Jalan Alor pada minggu ini juga.

Sebelum ini, langkah DBKL menukarkan nama Jalan Alor kepada Jalan Kejora tanpa mengadakan perbincangan dengan penduduk telah menyebabkan mereka mengadahkan bantahan.

Penduduk mendakwa, pertukaran jalan tersebut akan memberi kesan negatif ke-

pada perniagaan serta pelancongan memandangkan kawasan tersebut sudah dikenali dengan nama Jalan Alor sejak lebih 50 tahun lalu.

Semalam, seramai lebih 300 penduduk dan peniaga menandatangani memorandum bantahan terhadap pertukaran nama jalan tersebut dan telah diserahkan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.